

Disediakan oleh: Abdul Hadi Idris

SEMUA DIJEMPUT HADIR

Anjuran Perpustakaan Cendekiawan Kampus Dungun dengan kerjasama:

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SEMI 2022/2023

BICARA PAKAR BERSAMA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

PENERBITAN [ISBN/ISSN]:
PROSEDUR SEBELUM, SEMASA, SELEPAS

TARIKH: 21 JUN 2023, RABU
MASA: 10.00 PAGI - 11.00 PAGI

PLATFORM: WEBEX MEETING

PN MAULIDIAH ABD RAHMAN
PENERCAMAH
PENOLONG PENGARAH
PUSAT BIBLIOGRAFI NEGARA
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

CIK ASMAHANI ABDULLAH
MODERATOR
PUSTAKAWAN KANAN
PERPUSTAKAAN CEDEKIAWAN
UiTM CAWANGAN TERENGGANU

LIVE Jam Latihan Staf UiTM, eMerit Pelajar UiTMCT, & eSijil Penyeritaan disediakan.

<https://tinyurl.com/bicarapnm>

Sasaran Peserta: Staf & Pelajar UiTM yang telah/bercadang untuk mendaftarkan penerbitan (ISBN/ISSN) di Perpustakaan Negara Malaysia.

Sempena Karnival Perpustakaan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) 2023 yang diadakan pada 20 hingga 22 Jun 2023, telah diadakan satu program perkongsian ilmu iaitu Bicara Pakar bersama Perpustakaan Negara Malaysia bertajuk Penerbitan: Prosedur Sebelum, Semasa, Selepas. Program anjuran Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Dungun bersama Majlis Perwakilan Pelajar UiTMCT Sesi 2022/2023 dan Unit Penerbitan & Penyelidikan Mahasiswa ini telah berlangsung pada 21 Jun 2023, Rabu, jam 10.00 pagi melalui platform atas talian Webex Meeting.

Objektif utama pengajaran aktiviti ini adalah untuk memberi panduan kepada warga UiTM berkenaan kaedah dan prosedur yang perlu dipatuhi sebelum, semasa, dan selepas mendaftar penerbitan di Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) untuk mendapatkan ISBN/ISSN. Sesi bicara pakar yang berlangsung selama satu jam ini telah dikendalikan oleh Cik Asmahani Abdullah, Pustakawan Kanan UiTMCT sebagai moderator program, manakala pengisian program pula dibentangkan dengan jelas dan terperinci oleh Puan Maulidiah Abd Rahman, Penolong Pengarah, Pusat Bibliografi Negara PNM, selaku penceramah jemputan.

Keseluruhan program ini telah mendapat sambutan yang baik di kalangan warga UiTM Malaysia. Seramai 341 orang penonton telah menghadiri sesi perkongsian ilmu ini dan rata-ratanya berpuas hati dengan memberi maklumbalas yang positif dalam penilaian yang telah diedarkan. Semoga program bersama pakar seperti ini telah dapat memberi manfaat kepada semua.

